



خطوات التدريس / SCHEME OF WORK

التاريخ الإسلامي للصف الرابع الثانوي

Minggu Week	Tajuk Pelajaran Lesson / Topic	• Lesson Objectives	Activities	Resources / References	Assessment Criteria	Teaching notes
Rancangan: Semester 1 Term 1						
1	Unit 1 : Semenanjung Tanah Arab Sebelum Islam : 1.1 Kedudukan Geografi Semenanjung Arab	<ul style="list-style-type: none">mengetahui kedudukan Semenanjung Tanah Arab yang strategik.Mengaitkan kedudukannya yang strategi telah membantu perkembangan agama Islam.Tanah Arab juga termasuk dalam kawasan laluan sutera yang telah berlangsung sebelum kedatangan agama Islam.	-penjelasan guru	m.s 1-3	Berikan nama negara-negara yang berada dalam laluan sutera.	

2	<p>Unit 1 : Semenanjung Tanah Arab Sebelum Islam :</p> <p>1.2 Ekonomi 1.3 Bangsa Arab 1.4 Agama</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat perbandingan corak-corak ekonomi yang dijalankan • Keturunan bangsa Arab samada yang berasal dari utara atau selatan. • mengenalpasti pelbagai agama yang terdapat di Semenanjung Arab selain agama Wathani yang mendominasi. 	-penjelasan guru	m.s 3-9	Terangkan bagaimana pembangunan ekonomi di Tanah Arab sebelum kedatangan Islam?	
3	<p>Unit 1 : Semenanjung Tanah Arab Sebelum Islam :</p> <p>1.5 Kerajaan-kerajaan Arab Utara dan Selatan 1.6 Pengaruh Rom dan Parsi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membuktikan tentang kewujudan pemerintahan di Semenanjung Tanah Arab. • membuat rumusan tentang pengaruh luar terhadap perkembangan politik, social dan ekonomi Semenanjung Tanah Arab. 	-penjelasan guru	m.s 9-11	Bagaimakah pengaruh Rom dan Parsi membentuk pentadbiran Tanah Arab?	
4	<p>Unit 1 : Semenanjung Tanah Arab Sebelum Islam :</p> <p>1.7 Makkah Dalam Sejarah 1.8 Pegertian Jahiliyah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mendalami aspek peranan Makkah dalam pelbagai aspek samada ekonomi, social dan politiknya. • memahami dengan lebih jelas tentang istilah “jahiliyah” untuk menjelaskan salah 	-penjelasan guru	m.s 11-15	Terangkan Makkah sebelum kedatangan Islam.	

		faham tentang maksudnya				
5	Unit 2 : Kelahiran Nabi Muhammad S.A.W 2.1 Kelahiran Nabi Muhammad s.a.w 2.2 Nabi Kehilangan ibu 2.5 Nabi dipelihari Abd al Muttalib dan Abu Talib	<ul style="list-style-type: none"> mengetahui tentang kelahiran dan kaitan Tahun Gajah mengetahui tentang peristiwa kehilangan ibunya dan berpindahnya hak pemeliharaan kepada datuk dan bapa saudaranya. 	-penjelasan guru	m.s 37-40	Siapakah yang menjaga dan menjadi ibu susuan baginda?	
6	Unit 2 : Kelahiran Nabi Muhammad S.A.W 2.8 Peperangan al Fijar dan ikatan Hilf al Fudhul 2.13 Baginda dilantik menjadi hakim	<ul style="list-style-type: none"> mengenalpasti tentang peperangan yang disebabkan oleh semangat asabiah di kalangan Arab Membuktikan tentang kepintaran Nabi menyelesaikan masalah sebagai tanda bahawa beliau adalah insan yang istimewa. 	-penjelasan guru	m.s 41-44	Terangkan tentang peperangan al-fijar.	
7	Unit 3 : Kedatangan Islam di Makkah	<ul style="list-style-type: none"> mengetahui tentang peristiwa penting wahyu pertama diturunkan. 	-penjelasan guru	m.s 46-61	Tatacara nabi berdakwah terbahagi kepada dua, jelaskan.	

	<p>3.1 Nabi menerima wahyu</p> <p>3.2 Nabi berdakwah (rahsia dan terang-terangan)</p> <p>3.3 Nabi ditentang dan sebab-sebab penentangan.</p> <p>3.4 Peristiwa Isra' dan Mi'raj</p> <p>3.5 Perjanjian Aqabah I dan II</p> <p>3.6 Hijrah ke Madinah dan Hikmahnya</p>	<ul style="list-style-type: none"> • mengetahui tentang strategi dakwah . • mengenalpasti tentang faktor-faktor penentangan terhadap agama Islam. • Mu'jizat yang diberikan kepada Nabi dan sebagai tanda samada mereka menerima kenabian dan ajaran yang di bawa oleh beliau • Kepintaran Nabi menggunakan peluang pemulauan Bani Hasyim dengan bertemu dengan tamu2 Allah dari Madinah untuk menyebarkan agama Islam dalam peristiwa Aqabah I dan II. • Proses penghijrahan dan isu-isu yang timbul. 			
8	<p>Unit 4 : Penyebaran Islam di Madinah</p> <p>4.1 Nama Madinah</p> <p>4.2 kedudukan geografi</p> <p>4.3 Komposisi Penduduk Madinah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • penukaran nama Yathrib ke Madinah. • perbezaan komposisi penduduk antara Mekah dan Madinah dan bagaimana • perbezaan itu telah Membantu penerimaan penduduk 	-penjelasan guru	m.s 67-120	Jelaskan komposisi mesyarakat Madinah.

	4.4 Faktor-faktor Dalam dan Luaran Kedatangan Islam ke Madinah 4.5 Kerja-kerja Awal Nabi di Madinah	Madinah terhadap Islam. Penghijrahan Nabi bukan sahaja di dorong oleh faktor dalam tetapi juga faktor-faktor luaran sehingga terbukti bahawa penghijrahan itu perlu jika ia membawa perubahan dan kejayaan				
9	ERA KHULAFEA'AL RASYIDIN Unit 5 : Abu Bakar Assiddiq 5.1 konsep khalifah ,Bai'ah dan Majlis Syura 5.2 Perlantikan Abu Bakar sebagai Khalifah,masalah-masalah yang dihadapi dan jasa-jasanya	<ul style="list-style-type: none"> • mengetahui konsep khalifah dan syura. • perbezaan pemilihan khalifah dalam Islam perjuangan Abu Bakar menghadapi beberapa masalah semasa menyandang jawatan sebagai khalifah dan bagaimana beliau menyelesaikan masalah-masalah tersebut. • Dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Abu Bakar 	-penjelasan guru	m.s 125-137	Apakah perbezaan diantara golongan ar-riddah pada zaman baginda dan pada zaman Abu Bakar?	
10	Unit 5 : Abu Bakar Assiddiq 5.2 Menghadapi Golongan Murtad	<ul style="list-style-type: none"> • Menghadapi golongan murtad merupakan isu yang paling serius dihadapi oleh Abu Bakar Assiddiq. Ini 	-penjelasan guru	m.s 138-160	Apakah kesan golongan ar-riddah pada pentadbiran khalifah abu bakar?	

	<p>5.3 Pembukaan wilayah Iraq dan Syam</p> <p>disebabkan berkaitan dengan akidah dan aspek syariah. Jika isu ini tidak ditangani dengan baik dan cepat ia akan menjelas Islam dalam banyak aspek seperti yang disebutkan di atas.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perluasan wilayah di Iraq merupakan langkah penting bagi menjatuhkan kuasa Parsi di kawasan Timur yang merupakan satu ancaman kepada Islam kerana Parsi bertindak menghasut dan menghalang perkembangan Islam ke kawasan di Bahagian Timur. • Pax Islamika hanya akan menjadi kenyataan dengan adanya usaha perluasan wilayah. Walau bagaimanapun tidak bermakna bahawa Islam menggunakan kekerasan dalam usaha untuk mencapai matlamat tersebut 			
--	---	--	--	--

1	<p>Unit 6 : Umar bin Al Khattab</p> <p>6.1 perlantikan, perluasan . 6.2 Jasa- jasa Umar dan perubahan-perubahan yang di buat. 6.3 Pembunuhan Umar</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perluasan wilayah di Syam Iraq merupakan langkah penting dalam usaha menjatuhkan kuasa Byzantine di kawasan Utara dan juga Iraq di kawasan Timur . Dalam tempoh 10 tahun pemerintahan beliau, lebih banyak kawasan yang dapat di kuasai dan kejatuhan Iraq 100% merupakan satu kejayaan yang besar yang telah dicapai oleh Umar. • Umar adalah seorang khalifah yang ulung kerana selain perluasan wilayah, beliau amembuat banyak perubahan dalam pembangunan kerajaan Islam selain Islam berkembang dengan lebih meluas lagi di kawasan-kawasan yang dikuasai. • Walaupun Umar merupakan seorang khalifah yang terkenal dengan keadilannya, namun disebabkan gabenor yang dilantik 	-penjelasan guru	m.s 163-176	Terangkan secara jelas organisasi social pada zaman khalifah Umar.

		<p>oleh beliau di wilayah Kufah telah menimbulkan ketidakpuasan hati penduduk di situ menyebabkan dia mengambil tindakan untuk membunuh Umar.</p>				
2	<p>Unit 7 : Uthman bin Affan</p> <p>7.1 Perlantikan Uthman sebagai Khalifah, dasar-dasar yang Diperkenalkan 7.2 Fitnah-fitnah Yang Dihadapi Oleh Uthman 7.3. Pembunuhan Khalifah Uthman</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Isu perlantikan Uthman agak rumit kerana khalifah Umar tidak melantik individu tertentu. Walau bagaimanapun disebabkan Majlis Syura masih berfungsi dengan baik, akhirnya beliau dilantik menjadi khalifah. • Pada 6 tahun di awal pemerintahannya Uthman cuba menjalankan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kahlifah-khalifah yang sebelumnya. Walau bagaimanapun selepas 6 tahun terakhir pemerintahannya beliau terpaksa merubah dasar-dasarnya kerana keadaan masa, tempat dan wilayah Islam yang semakin meluas 	-penjelasan guru	m.s 176-190	<p>Apakah kesan kes pembunuhan khaifah Umar pada zaman khalifah Uthman?</p>	

		<p>menjadikan isu-isu semakin rumit terutamanya isu pemilikan tanah di Iraq, pemberontakan di Kufah, Basrah dan Mesir.</p> <ul style="list-style-type: none">• Fitnah-fitnah yang dilemparkan kepada Uthman menjadikan keadaan dibeberapa wilayah Islam telah menghadapi pemberontakan dan tidak puas hati dengan pemerintahan beliau. Walaupun beliau cuba untuk mengatasinya tetapi tidak berjaya sehingga beliau dibunuh oleh golongan pemberontak.• Bagaimana kita sebagai muslim amampu menolak pertuduhan-pertuduhan yang dilemparkan oleh Orientalis –orientalis Barat tentang fitnah-fitnah yang dilemparkan kepada Uthman untuk membersihkan nama beliau sebagai seorang sahabat yang telah			
--	--	---	--	--	--

		<p>banyak berjasa dalam Islam.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Golongan pemberontak yang tidak setuju dengan gabenor-gabenor yang dilantik Uthman, dasar beliau terhadap Tanah Sawafi telah membawa kepada pembunuhan beliau. 				
3	<p>Unit 8 : Ali bin Abi Talib</p> <p>8.1 Perlantikan, Dasar-dasar yang diperkenalkan 8.2 Perang Jamal & Perang Siifin 8.2 Perjanjian Tahkim dan Perang Nahrawan 8.3. Pembunuhan Khalifah Ali</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ali menghadapi penentangan yang kuat dari Muawiyah ke atas perlantikannya sebagai khalifah. • Penyokong-penyokong Ali yang terdiri dari golongan pemberontak telah mempengaruhi dasar-dasar yang dibuat oleh Sayyidina Ali. • Muawiyah menggunakan Perjanjian Tahkim untuk menjatuhkan Sayyidina Ali dengan bantuan wakil yang telah dilantik oleh beliau iaitu Amr bin Al As yang telah banyak berjasa kepada Muawiyah. • Perang Nahrawan berlaku hasil dari penentangan golongan 	-penjelasan guru	m.s 190-200	<p>Terangkan perbezaan yang berlaku dalam kesemua peperangan tersebut.</p>	

		<p>Khawarij terhadap perjanjian Tahkim. Golongan Khawarij yang asalnya penyokong kuat Sayyidina Ali bagun menentang beliau sehingga terjadinya Perang Nahrawan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Selepas Perang Nahrawan golongan Khawarij mengambil tindakan untuk membunuh tiga individu iaitu Muawiyah, Ali dan Amr bin As. Walau bagaimanapun kedua-duanya selamat kecuali Ali dibunuh oleh Ibn Muljam. 			
4	Unit 9 : Muawiyah bin Abi Sufyan 9.1 Pengenalan kepada Jurai Keturunan Bani Umayyah.			m.s 208	Terangkan tentang Jurai.
5	9.2 Latar Belakang Kerajaan Bani Umayyah. 9.3 Latar belakang Muawiyah bin Abi Sufyan	<ul style="list-style-type: none"> • mengetahui jurai keturunan Bani Umayyah yang berasal dari kelompok Quraisy, kedudukan mereka dalam masyarakat 	-penjelasan guru	m.s 209-222	Apakah faktor-faktor yang membentuk kerajaan umaiyyah?

		<p>sebelum kedatangan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Faktor-faktor sehingga pembentuknya Kerajaan Bani Umayyah dan berakhirnya Era Khulafa; Al Rasyidin • Muawiyah seorang politikus yang pintar dengan itu berjaya mendirikan Kerajaan Bani Umayyah hasil kerja kerasnya menjatuhkan Khalifah Ali. 			
6	<p>Unit 10 : Abdul Malik bin Marwan.</p> <p>2.3 Dasar-dasar baru yang diperkenalkan oleh Abd Malik bin Marwan dan bagaimana beliau mengatasi masalah Pemberontak yang berlaku secara meluas.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pemberontakan dilakukan oleh golongan Syian, golongan Khawarij serta beberapa individu yang tidak setuju dengan pemerintahan Bani Umayyah secara umum dan Abdul Malik secara khusus. • Abdul Malik telah menggunakan khidmat al Hajjaj untuk menangani isu pemberontakan. • Abdul Malik/al Hajjaj telah memperkenalkan mata wang baru untuk 	-penjelasan guru	m.s 222-239	Apakah dasar-dasar yang diperkenalkan oleh abdul malik bin Marwan.

		meningkatkan ekonomi wilayah Islam.				
7	Unit 11 : Umar bin Abdul Aziz 11.1 Dasar Pemerintahannya	<ul style="list-style-type: none"> Terdapat banyak dasar2 yang diperkenalkan oleh khalifah2 Bani Umayyah yangl ain diubah oleh Umar kerana menganggap dasar2 itu tidak sejajar dengan ajaran Islam. 	-penjelasan guru	m.s 239-243	Perbezaan apakah yang dilakukan oleh umar bin abdul aziz.	
8	PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN SA1					
9	PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN SA1					
10	MENYEMAK KERTAS PEPERIKSAAN & MEMPROSES MARKAH					